



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

KENYATAAN TENDER

1. Tender adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor bumiputera yang berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** dan **Pusat Khidmat Kontraktor (PKK)**, dalam **Gred** atau **Kelas** dan jenis pendaftaran yang berkaitan untuk membuat tawaran bagi kerja berikut :-

Bil.	Tajuk Dan No. Tawaran	Taraf/Syarat Pendaftaran	Tarikh, Tempat Taklimat Dan Lawatan Tapak	Tarikh & Tempat Penjualan Dokumen	Tarikh & Tempat Tutup Tender	Harga Dokumen
1.	TAWARAN SEMULA CADANGAN PENYIAPAN BAKI KERJA SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN LANGKON YANG MENGANDUNGI 24 BILIK DARJAH DAN KEMUDAHAN BERKAITAN DI KOTA MARUDU, SABAH. KP(BP-T) Ten.3/2026	Mempunyai Sijil Kontraktor Penyiap Kementerian Kerja Raya (KKR) Mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dengan CIDB; Mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dengan CIDB. ♦ CIDB Gred G7 ♦ Kategori: B/CE ♦ Pengkhususan: B04 dan CE21	19 Januari 2026 (Isnin) Masa: 11.00 pagi Tempat: SK Langkon, Kota Marudu Lawatan ke tapak projek akan diadakan selepas taklimat. (KEHADIRAN TAKLIMAT DAN LAWATAN TAPAK DIWAJIBKAN)	28 Januari 2026 (Rabu) hingga 30 Januari 2026 (Jumaat) Tempat: Bilik Bincang Seksyen Sabah & Labuan Cawangan Pembangunan Kementerian Pendidikan Jalan Dewan Serbaguna Putatan, 88300 Putatan, Sabah	24 Februari 2026 (Selasa) Sebelum jam 12.00 tengah hari Tempat: Kaunter Serahan Tender Bahagian Pembangunan, Kementerian Pendidikan Malaysia, Aras 1, Blok E2, Kompleks E, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62604 Putrajaya	RM500 (Tidak akan dikembalikan)

2. Waktu urusan pembelian dan pertanyaan mengenai tender adalah seperti berikut :

HARI	WAKTU
Rabu dan Khamis	9.00 pagi – 12.00 tengahari dan 2.00 petang – 3.00 petang
Jumaat	9.00 pagi – 11.30 pagi

3. Kontraktor yang hadir ke Lawatan Tapak hendaklah membawa bersekali Sijil-sijil **ASAL** dan **SALINAN** (tidak akan dikembalikan), **Sijil Kontraktor Penyiap Kementerian Kerja Raya (KKR)**, **Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK)**. **PERWAKILAN KUASA ADALAH TIDAK DIBENARKAN SAMA SEKALI**. Pengarah syarikat yang sah dan dinamakan di dalam sijil CIDB sahaja dibenarkan menghadiri taklimat tender dan lawatan tapak.

4. Dokumen hanya akan dikeluarkan kepada **kontraktor yang hadir ke lawatan tapak sahaja** dan **wakil sah kontraktor** dengan menunjukkan dan mengemukakan **Surat Perwakilan Kuasa** dan **sijil-sijil ASAL Sijil Kontraktor Penyiap Kementerian Kerja Raya (KKR), Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK)**. Satu salinan bagi setiap sijil ini perlu dikemukakan semasa membeli dokumen tawaran untuk simpanan. (Tidak dikembalikan)
5. Bayaran dokumen hendaklah dibayar melalui <https://ipayment.anm.gov.my/> secara atas talian dan **Resit ASAL** perlu dikemukakan semasa membeli dokumen tawaran (Resit asal tidak dikembalikan).
6. Dokumen Meja Tender disediakan untuk semakan di **Pejabat Seksyen Sabah & W.P. Labuan, Bahagian Pembangunan, Kementerian Pendidikan Malaysia, Jalan Dewan Serbaguna Putatan, 88200 Putatan** pada waktu pejabat sehingga dan termasuk tarikh tender diadualkan ditutup.
7. Dokumen tender yang telah sempurna diisi dan ditandatangani hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri, dengan nombor dan tajuk tender dituliskan di kirinya dan dimasukkan ke dalam peti tender di alamat berikut :-

**Kaunter Serahan Tender
Bahagian Pembangunan,
Kementerian Pendidikan Malaysia,
Aras 1, Blok E2,
Kompleks E, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62604 Putrajaya.**

8. Semua kos yang berkaitan dengan Tawaran Kerja di atas adalah tanggungjawab kontraktor. Tawaran yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan sama sekali
9. KPM tidak terikat menerima tawaran terendah atau sebarang tawaran atau memberi apa-apa sebab sesuatu tawaran itu ditolak dan juga tidak bertanggungjawab ke atas perbelanjaan dengan tawaran ini.